



GARISPANDUAN REKABETUK PAPARAN DINDING **FOOD TRUCK** DAN RUANG MAKAN **AL FRESCO** DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

April 2015



1.0 PENDAHULUAN

1.1 KONSEP 'FOOD TRUCK'

Food truck merupakan salah satu jenis usaha di bidang penjualan makanan dan minuman. Ianya sudah ada sejak dulu dan lebih popular di barat seperti Amerika dan Eropah. Bahkan saat ini, makanan yang dijual dengan konsep *food truck* kembali dan semakin popular di Malaysia.

Sebuah 'food truck' adalah kenderaan besar yang dilengkapi peralatan untuk memasak dan menjual makanan. *Food Truck* mempunyai kelengkapan ruang dapur dan ruang menyediakan makanan. Konsep membeli dan makan di *food truck* mula menjadi pilihan kerana konsepnya yang **mudah, cepat dan sesuai dengan gaya hidup komuniti ibu kota yang bergerak pantas.**



1.0 PENDAHULUAN

1.2 KONSEP 'AL FRESCO'

Perkataan Al Fresco berasal dari perkataan Itali yang bermaksud “*in the cool [air]*” dan sering kali ianya diinterpretasikan sebagai ruang makan di luar.

Ruang makan ‘**Al Fresco**’ akan mewujudkan satu suasana makan yang berbeza.

Pelanggan dapat menikmati pemandangan yang tidak terkongkong, lebih terbuka serta tidak sesak, dan lebih menarik kerana ruang sebegini akan dihiasi dengan elemen kotak tanaman serta pokok – pokok yang menarik dan cantik.


Ruang makan ‘Al Fresco’ dapat menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang **liveable** dan selamat terutamanya pada waktu malam.



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.1 REKABENTUK PAPARAN LUARAN KENDERAAN FOOD TRUCK

- Permukaan dinding food truck hendaklah mempunyai rekabentuk paparan luaran yang cantik dan berkualiti bagi tujuan pemasaran.
- Paparan luaran dinding food truck yang mempunyai rekabentuk berkualiti dan mengikuti tren semasa akan memberi imej yang baik kepada bandaraya Kuala Lumpur .



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.1 REKABENTUK PAPARAN LUARAN KENDERAAN FOOD TRUCK

- Menggunakan satu imej khas DBKL pada setiap badan food truck yang disediakan oleh pihak DBKL

Contoh imej khas



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.1 REKABENTUK PAPARAN LUARAN KENDERAAN FOOD TRUCK

- Rekabentuk paparan luar food truck hendaklah bersesuaian dengan konsep makanan dan minuman yang dijual.



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.1 REKABENTUK PAPARAN LUARAN KENDERAAN FOOD TRUCK

- Rekabentuk paparan luar food truck hendaklah tidak menyentuh isu-isu sensitif masyarakat, agama dan budaya rakyat Malaysia.



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.2 PENYEDIAAN RUANG MAKAN BERKONSEP *AL FRESCO*

- Ruang makan *Al Fresco* boleh disediakan bagi mana – mana lokasi yang di rasakan bersesuaian mengikut pertimbangan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Ruang *Al Fresco* ini hanya boleh digunakan untuk meletakkan payung, kerusi, meja makan, struktur sementara yang berfungsi sebagai pembahagi ruang bagi setiap unit *food truck*.



2.0 CADANGAN REKABENTUK


2.2.1 LOKASI RUANG AL FRESCO

Ruang *Al Fresco* di bahagian sisi hadapan atau belakang *Food Truck*

Ruang pejalan kaki minimum
1200mm

Ruang perletakan meja dan kerusi
mudah alih

'Potted Plant' sebagai pembahagi
ruang makan *Al Fresco*



2.0 CADANGAN REKABENTUK


2.2.1 LOKASI RUANG AL FRESCO

Ruang 'Al Fresco' di bahagian sisi tepi
Food Truck

Ruang pejalan kaki minimum
1200mm

Ruang perletakan meja dan
kerusi mudah alih

'Potted Plant' sebagai
Pembahagi Ruang Makan



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.2.2 KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN

Berikut adalah keperluan ruang dan saiz yang dicadangkan:

KEPERLUAN RUANG	SAIZ RUANG
Laluan pejalan kaki	minimum 1200mm
Ruang Food Truck	2400mm x 4800mm
Laluan ruang makan luar (Al Fresco)	Selebihnya



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.2.2 KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN

Kelengkapan yang dibenarkan adalah jenis mudah alih seperti :

1. Kerusi lipat.
2. Meja lipat
3. Payung yang berkualiti
4. Tong sampah
5. *Potted plant* sebagai elemen pembahagi ruang



'Botanical Garden, Sydney, Australia

2.0 CADANGAN REKABENTUK

Konsep Al fresco



2.0 CADANGAN REKABENTUK

Konsep Al Fresco



2.0 CADANGAN REKABENTUK

Kerusi Dan Meja Lipat untuk Kafe



2.0 CADANGAN REKABENTUK

Penyediaan Tong Sampah



Tong sampah



2.0 CADANGAN REKABENTUK

Penggunaan 'Potted Plant' kecil sebagai elemen pembahagi ruang



2.0 CADANGAN REKABENTUK

Penggunaan 'Potted Plant' kecil sebagai elemen pembahagi ruang



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.2.3 PAPAN TANDA

Penyediaan struktur papan tanda adalah bagi lokasi food truck yang kekal.



2.0 CADANGAN REKABENTUK

2.2.4 PENANDA LANTAI TUNJUK ARAH (WAY FINDING MARKER)

Konsep Penanda Lantai



3.0 GARISPANDUAN

GARISPANDUAN REKABENTUK PAPARAN DINDING **FOOD TRUCK** DAN RUANG MAKAN **AL FRESCO** DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1. Permukaan dinding food truck hendaklah mempunyai rekabentuk paparan luaran yang cantik dan berkualiti bagi tujuan pemasaran.
2. Paparan luaran dinding food truck yang mempunyai rekabentuk berkualiti dan mengikuti tren semasa akan memberi imej yang baik kepada bandaraya Kuala Lumpur .
3. Menggunakan satu imej khas DBKL pada setiap badan food truck yang disediakan oleh pihak DBKL.
4. Rekabentuk paparan luar food truck hendaklah bersesuaian dengan konsep makanan dan minuman yang dijual.
5. Rekabentuk paparan luar food truck hendaklah tidak menyentuh isu-isu sensitif masyarakat, agama dan budaya rakyat Malaysia.

3.0 GARISPANDUAN

GARISPANDUAN REKABETUK PAPARAN DINDING **FOOD TRUCK** DAN RUANG MAKAN **AL FRESCO** DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

6. Ruang makan Al Fresco boleh disediakan bagi mana – mana lokasi yang dirasakan bersesuaian mengikut pertimbangan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
7. Ruang makan *Al Fresco* ini hanya boleh digunakan untuk meletakkan payung, kerusi, meja makan, struktur sementara yang berfungsi sebagai pembahagi ruang bagi setiap unit *food truck*.
8. Ruang makan *Al Fresco* ini tidak boleh digunakan sebagai ruang untuk meletakkan barang jualan atau bagi apa – apa tujuan selain sebagai ruang makan sahaja.
9. Elemen *potted plant* dan kerusi meja hendaklah disimpan di dalam *food truck* apabila tidak beroperasi.
10. Satu laluan pejalan kaki tanpa halangan selebar **minimum 1200mm** hendaklah disediakan pada setiap masa. Laluan ini hendaklah mematuhi keperluan rekabentuk bebas halangan.

3.0 GARISPANDUAN

GARISPANDUAN REKABETUK PAPARAN DINDING **FOOD TRUCK** DAN RUANG MAKAN **AL FRESCO** DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

11. Tidak ada apa-apa bentuk pengiklanan selain daripada produk makanan dan minuman yang dijual boleh dipaparkan pada mana-mana dinding *food truck*, struktur sementara atau apa – apa struktur lain kecuali mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
12. Permohonan lesen perniagaan *food truck* akan dipertimbangkan secara berasingan dari penyediaan ruang makan *Al Fresco*.
13. Permohonan penyediaan kerusi dan meja bagi ruang makan *Al Fresco* hendaklah dipohon setelah mendapat kelulusan lesen perniagaan *food truck*.
11. Lesen perniagaan *food truck* ini akan dipertimbangkan secara tahunan dan ianya boleh ditarik balik sekiranya terdapat penyelewengan lesen, ketidakpatuhan syarat – syarat perlesenan atau tidak mematuhi mana – mana syarat yang dinyatakan di atas.



TERIMA KASIH